KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **2 DISEMBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: ISNIN

TARIKH: 2/12/2024

M/SURAT: 7

# AEON BiG sokong Kempen Beli Barangan Malaysia

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** AEON BiG (M) Sdn. Bhd & AEON Co. (M) Berhad menyokong inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) menerusi pemerkasaan produk tempatan dalam industri peruncitan tempatan.

Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Adiratno Che Ani berkata, pencapaian AEONCo. (M) Berhad pada tahun 2021 berupaya merekodkan nilai jualan berjumlah RM6.3 juta dengan melibatkan 561 jumlah bilangan unit simpanan stok (SKU).

Katanya, pada tahun 2022 AEON BiG (M) Sdn. Bhd. pula mencatatkan nilai jualan RM1.07 juta bagi 356 SKU.

"Hasil jualan dan SKU melalui inisiatif KBBM menunjukkan AEON amat komited dalam membantu produk para usahawan tempatan untuk terus dipasarkan di rangkaian pasaraya besar ini," katanya ketika melancarkan KBBM anjuran AEON BiG (M) Sdn. Bhd & AEON Co. (M) Berhad. di AEON BiG Alamanda, Putrajaya, di sini kelmarin.




ADIRATNO Che Ani (dua kiri) dan Takanori Komatsu (dua kanan) menunjukkan antara produk tempatan selepas merasmikan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) di AEON BiG Putrajaya, kelmarin. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Dalam pada itu, Pengarah Eksekutif AEON BiG, Takanori Komatsu berkata, dengan menyokong perniagaan dan produk tempatan, mereka dapat membantu mewujudkan peluang pekerjaan dan merangsang ekonomi tempatan.

"Ia sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kepada barangan import.

"Kempen ini adalah seruan untuk berbangga dengan produk buatan Malaysia," ujarnya.

Sementara itu, lebih RM5.5 bilion berjaya direkodkan melalui pelaksanaan KBBM menerusi inisiatif pemerkasaan produk tempatan di dalam industri peruncitan tempatan.

Adiratno berkata, usaha itu dijayakan melalui rakan-rakan strategik kementerian sepanjang tahun lalu.

Menurut beliau, prestasi ini menunjukkan peningkatan sebanyak 103.2 peratus berbanding tahun 2022.

"Ia adalah satu perkembangan positif dan saya yakin nilai jualan ini pasti akan meningkat dengan adanya penglibatan semua pihak dalam pelaksanaan kempen ini.

"Saya ingin menyeru kepada para rakan strategik KPDN supaya sentiasa bersama-sama dengan pihak kementerian untuk membudayakan KBBM secara sukarela di premis masing-masing," katanya.

Adiratno berkata, pihak rakan strategik boleh mengutamakan penembusan pasaran produk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan ke pasaran tempatan.

Katanya, langkah itu dapat dilakukan dengan mempergiatkan promosi KBBM di platform fizikal seperti meletakkan produk Malaysia di rak-rak eksklusif, pemberian baucar bagi setiap pembelian produk tempatan dan memanfaatkan platform dalam talian seperti (e-dagang).

"Ini bagi memperkenalkan keistimewaan produk Malaysia kepada rakyat Malaysia dan masyarakat luar negara," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 10

# Kebenaran simpan barang kawalan ditingkat 30 peratus



FUZIAH SALLEH

**PETALING JAYA:** Lebih 100 pemborong dan peruncit terpilih di lima negeri yang kritikal banjir mendapat kelulusan menyimpan barang kawalan melebihi 30 peratus daripada had simpanan lesen sepanjang tempoh Monsun Timur Laut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, ia bagi mengelak kekurangan barangan keperluan asas sepanjang tempoh banjir melanda negara.

Katanya, antara negeri terlibat ialah Kelantan, Terengganu, Kedah, Johor dan Perlis yang diberi kelulusan untuk menyimpan stok melebihi 30 peratus daripada had simpanan lesen.

"Kelulusan ini diberikan bertujuan mengelak sebarang masalah bekalan makanan, minuman dan keperluan asas lain terputus disebabkan bencana banjir yang berlaku sekarang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, situasi banjir di sembilan negeri terus bertambah buruk dengan mangsa melebihi 150,000 orang.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mangsa terlibat kini ditempatkan di 698 pusat pemindahan sementara (PPS).

Sementara, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menawarkan penggantian dokumen sijil lahir dan kad pengenalan yang hilang secara percuma kepada mangsa banjir.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pegawai JPN akan membuka kaunter dan menggerakkan bas bergerak ke kawasan terjejas selepas musim banjir bagi memastikan urusan tersebut disegerakan.

"Saya berharap usaha kami akan sedikit sebanyak membantu mangsa yang terkesan bagi memudahkan urusan mereka pasca banjir nanti," katanya dalam kenyataan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 5

# AEON BiG lancar Kempen Beli Barangan Malaysia 2024

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

PUTRAJAYA – AEON BiG (M) Sdn. Bhd. (AEON BiG) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2024, di AEON BiG Putrajaya.

Menurut Pengarah Eksekutif AEON BiG, Takanori Komatsu, kempen itu adalah inisiatif bermakna yang menyatukan sektor awam dan swasta untuk memberikan manfaat kepada masyarakat melalui promosi produk tempatan pada harga mampu milik.

"Kempen ini mencerminkan komitmen kami untuk menyokong produk buatan tempatan, yang penting dalam memperkukuh ekonomi domestik, mencipta peluang pekerjaan dan mengurangkan kebergantungan terhadap barangan import," katanya pada majlis perasmian KBBM 2024 di sini baru-baru ini.



TAKANORI KOMATSU (dua dari kanan, belakang) bersama Adiratno (dua dari kiri) pada majlis perasmian KBBM 2024 di AEON BiG Putrajaya baru-baru ini.

Komatsu berkata, AEON BiG berbangga bekerjasama dengan pembekal tempatan untuk memastikan produk buatan tempatan berada di rak jualan, sekali gus memberi manfaat kepada pelanggan sambil memperjuangkan perniagaan tempatan yang memberi impak positif kepada ekonomi negara.

Katanya, lebih daripada 30 cawangan AEON dan 22 cawangan AEON BiG di seluruh negara akan menyertai KBBM 2024 serta menawarkan pelbagai produk tempatan pada harga berpatutan.

Beliau berharap kempen tersebut akan mendapat sambutan yang baik dan memberi peluang kepada pelanggan membuat pilihan bijak untuk membeli barangan tempatan pada harga menjimatkan.

"Marilah kita bersama-sama membuat perubahan dengan memilih untuk membeli barangan Malaysia," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan KPDN, Adiratno Che Ani berkata, keputusan AEON BIG dan AEON Co. (M) Berhad (AEON Co.)melaksanakan inisiatif itu bertepatan pada masa sekarang setelah ia hampir dua tahun tidak terlibat dengan kempen tersebut.

Katanya, pencapaian AEON Co. pada tahun 2021 berupaya merekodkan nilai jualan berjumlah RM6.3 juta dengan melibatkan 561 jumlah bilangan unit simpanan stok (SKU).

"Pada tahun 2022, AEON BiG pula mencatatkan nilai jualan RM1.07 juta bagi 356 SKU.

"Hasil jualan dan SKU melalui inisiatif KBBM ini menunjukkan bahawa pihak AEON amat komited dalam membantu produk usahawan tempatan untuk terus dipasarkan di rangkaian pasar raya besar," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 8

# Senarai hitam pihak sorok, ubah harga barangan keperluan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak mengambil kesempatan dengan menyorok mahupun menaikkan harga barangan keperluan ketika musim tengkujuh ini.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, pihak penguat kuasa sentiasa mengadakan pemantauan setiap hari bagi memastikan tiada penyelewengan berlaku terutama negeri terjejas banjir.

"Sekiranya ada yang mengambil kesempatan dan berlaku ketirisan, KPDN akan senarai hitam mereka pada masa hadapan.

"Malah, mereka tidak akan menikmati manfaat disediakan kerajaan termasuk menambah had simpanan barang kawalan dan barangan keperluan asas sehingga 30 peratus daripada had simpanan sedia ada yang dibenarkan dalam tempoh bencana," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Beliau mengulas mengenai pemantauan bekalan barangan keperluan pada musim ini terutama di negeri terjejas banjir.

Menurutnya, keperluan asas di kawasan terjejas banjir masih mencukupi dengan 2,004 peruncit terpilih daerah (DDR) dan pemborong terpilih daerah (DDW) seluruh negara bersedia menawarkan bantuan sokongan kepada negeri terputus bekalan.

"Buat masa ini, tiada isu bekalan keperluan terputus di negeri terjejas banjir dan semuanya masih dalam terkawal.

"Namun, sekiranya ada pemborong atau peruncit yang dilantik ditenggelami air banjir di satu-satu kawasan, maka boleh mendapatkan bekalan dari pemborong atau peruncit berdekatan dari kalangan 2,004 premis yang dilantik KPDN," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# KPDN laksanakan Ops Kesan 3.0

**SANDAKAN** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan Ops Kesan 3.0 bermula pada Ahad, sejajar dengan pelaksanaan pelarasan gaji penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, operasi itu bertujuan untuk memantau dan mengekang aktiviti pencatutan dengan menggunakan lima pendekatan iaitu melaksanakan proses pengumpulan data dan harga serta caj perkhidmatan yang bermula sejak 1 Oktober.

Beliau berkata, data itu akan dijadikan sebagai perbandingan harga sebelum dan selepas pelaksanaan SSPA, mengguna pakai data-data kutipan harga yang dilaksanakan setiap hari oleh pegawai pemantau harga meliputi 480 item sebagai panduan pergerakan harga barang.

"Selain itu, memperkukuh kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan dan menggalakkan partisipasi awam sejajar dengan pelaksanaan Kita Gempur yang telah dilancarkan di Kota Kinabalu sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas sesi advokasi Berniaga Patuh Kod Etika dan Perundangan (Biz-BERKAT) di sini pada Ahad.

Armizan berkata, KPDN juga menetapkan prosedur operasi standard pengurusan aduan berkaitan dengan caj, harga dan bekalan termasuk tindakan susulan penguatkuasaan perlu dijalankan dalam tempoh 24 jam dari masa aduan diterima.

Beliau berkata, KPDN juga menyediakan saluran aduan untuk membolehkan orang ramai mengemukakan sebarang maklumat melalui saluran WhatsApp **019-848 8000**, portal e-aduan *http://eaduan.kpdn.gov.my*, pusat panggilan **1-800-886-800** dan di aplikasi Ez ADU KPDN.

Armizan berkata, sepanjang tempoh pengumpulan data Ops Kesan 3.0 itu, sebanyak 2,803 premis telah diperiksa di seluruh negara melibatkan 13,209 item dan premis berkenaan diberikan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Ops itu dilakukan bagi mengesan pihak yang membuat peningkatan harga dengan tujuan mengaut keuntungan secara berlebihan, sekali gus mengekang aktiviti pencatutan apabila bermulanya kenaikan gaji penjawat awam," katanya. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



**Armizan (tengah) melihat minyak masak peket yang dijual di sebuah kedai runcit pada Sesi Advokasi Biz-BERKAT di sekitar Pusat Bandar Batu 8 dan melancarkan Ops Kesan 3.0 pada Ahad.**

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 25

# KPDN perlu tegas isu subsidi RON95 dan minyak masak peket

**ISKANDAR PUTERI** - Kerajaan negeri menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil tindakan tegas terhadap kenderaan asing yang mengisi petrol bersubsidi RON95.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, isu kenderaan pendaftaran asing mengisi petrol RON95 sering dibangkitkan orang ramai.

Jelasnya, begitu juga isu ketirisan minyak masak subsidi sepatutnya ia dimanfaatkan golongan B40, namun dieksploitasi warga asing.

"Ia melibatkan pelanggaran peraturan yang merugikan rakyat dan penyalahgunaan subsidi.

"Oleh itu, kerajaan negeri menyeru KPDN mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang mengambil kesempatan kerana sudah tentu ia memberi kesan kepada negara.

"Kerajaan negeri menyokong usaha kerajaan Persekutuan melaksanakan undang- undang bagi memastikan subsidi diberikan kepada Bangsa Johor tidak terus dieksploitasi warga asing," katanya.

Pada 25 November lalu, kerajaan dilaporkan tidak berhasrat membenarkan kenderaan milik bukan warganegara menikmati kemudahan subsidi petrol RON95.

Menurut Kementerian Ekonomi, ia selaras matlamat untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Harga RON95 Malaysia ialah RM2.05 seliter, lebih rendah berbanding negara tetangga lain seperti Thailand (RM5.85), Indonesia (RM3.38) dan Singapura (RM9.02).

Harga rendah menyebabkan kerajaan menanggung subsidi RON95 mencecah RM20 bilion pada 2023.

Bagi minyak masak peket pula, pada Januari lalu, media melaporkan tiada sekatan atau larangan kepada warga asing untuk membeli minyak masak peket di kedai runcit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, bagaimanapun kaedah jangka panjang sedang dikaji bagi memastikan subsidi minyak peket dinikmati rakyat negara ini sahaja.

MEJA BULAT
Diskusi Mencipta Resolusi
SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA:
SELEPAS 60 TAHUN, DI MANA SILAPNYA?
IMBAS UNTUK TONTON VIDEO PENUH

ASIA TIMES EST 1995

## 贸消部展示宣传海报

# 推动遵守法则作业


山打根贸消部展示宣传海报，推动遵守法则作业。

（山打根一日讯）山打根国内贸消部今天上午在拉卜路八里市镇举办商业宣传活动，倡导商业界以遵守道德准则作业。

这称为（Biz-BERKAT）活动倡导的目标之一是提高贸易商的意识和承诺、遵守道德准则、规则和商业法，包括遵守2011年《商品说明法》，例如禁止向以下人士提供信息和虚假交易细节，关于商品、价格和服务，包括清真认证，同样遵守1961年供应控制法，例如禁止库存管制物品超过数量限制

允许和施加非法的销售条件。

该部门从今天开始将实施OPS KESAN 3.0用于监控和遏制暴利活动，调整是为了配合工资调整的实施，通过公共服务补偿系统的公务员，该规定自2024年12月1日起生效。

在OPS KESAN 3.0已经在实施中，KPDN现在和将来都会执行，如有违反情况，各方可以提交任何信息和投诉给该部通过以下渠道：WhatsApp 019-848 8000、KPDN的电子投诉门户网站是 http://eaduan.kpdn.gov.my；或是

1-800-886-800；和 Ez ADU KPDN 智能手机应用程序。

OPS KESAN 3.0的实施将用于检测任何一方以牟利为目的抬高价格，利润过高从而抑制牟利活动，个人交易者犯有牟取暴利罪的，最高可被罚款RM100,000.00或三年监禁，或两者兼施。而对于公司来说，最高可处以RM500,000.00的罚款。（11）

ASIA TIMES EST 1995
HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 9

# KPDN launches Ops Kesan 3.0 in line with SSPA salary adjustments




*Armizan said the operation aims to monitor and curb profiteering activities through five key approaches, which include collecting data on prices and service charges that began on Oct 1.*

SANDAKAN: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has launched the Ops Kesan 3.0 yesterday in line with the implementation of civil servants' salary adjustments under the Public Service Remuneration System (SSPA).

Minister Datuk Seri Armizan Mohd Ali said the operation aims to monitor and curb profiteering activities through five key approaches, which include collecting data on prices and service charges that began on Oct 1.

He explained that the collected data would be used to compare prices before and after the SSPA salary adjustments, with daily price monitoring covering 480 items as a guide for price movements.

"KPDN is also strengthening collaboration with relevant government agencies and encouraging public participation, in line with the Kita Gempur initiative launched earlier in Kota Kinabalu," he told reporters after attending the Biz-BERKAT advocacy session here yesterday.

Armizan added that the ministry has established standard operating procedures for handling complaints regarding charges, prices and supply issues, including enforcement actions to be taken within 24 hours of receiving complaints.

He said KPDN has also set up multiple complaint channels, including a WhatsApp line at 0198488000, the e-aduan portal at http://eaduan.kpdn.gov.my, the call centre at 1-800-886-800 and the Ez ADU KPDN application.

During the data collection period for Ops Kesan 3.0, a total of 2,803 premises nationwide were inspected, involving 13,209 items. These premises were issued notices under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

"The operation aims to identify any parties who increase prices to make excessive profits, thus curbing profiteering activities following the increase in public sector salaries," he said. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 2

# KPDN launches Ops Kesan 3.0 in line with SSPA salary adjustments



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali inspect a weighing scale at a shop after attending the Biz-BERKAT advocacy session and launching Ops Kesan 3.0 on Sunday. — Bernama photo

**SANDAKAN**: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has launched the Ops Kesan 3.0 on Sunday in line with the implementation of civil servants' salary adjustments under the Public Service Remuneration System (SSPA).

Minister Datuk Seri Armizan Mohd Ali said the operation aims to monitor and curb profiteering activities through five key approaches, which include collecting data on prices and service charges that began on Oct 1.

He explained that the collected data would be used to compare prices before and after the SSPA salary adjustments, with daily price monitoring covering 480 items as a guide for price movements.

"KPDN is also strengthening collaboration with relevant government agencies and encouraging public participation, in line with the Kita Gempur initiative launched earlier in Kota Kinabalu," he told reporters after attending the Biz-BERKAT advocacy session on Sunday.

Armizan added that the ministry has established standard operating procedures for handling complaints regarding charges, prices and supply issues, including enforcement actions to be taken within 24 hours of receiving complaints.

He said KPDN has also set up multiple complaint channels, including a WhatsApp line at 0198488000, the e-aduan portal at http://eaduan.kpdn.gov.my, the call centre at 1-800-886-800 and the Ez ADU KPDN application.

During the data collection period for Ops Kesan 3.0, a total of 2,803 premises nationwide were inspected, involving 13,209 items.

These premises were issued notices under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

"The operation aims to identify any parties who increase prices to make excessive profits, thus curbing profiteering activities following the increase in public sector salaries," he said. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 1

# KPDN launches Ops Kesan 3.0 in line with SSPA adjustments

**SANDAKAN:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has launched the Ops Kesan 3.0 in line with the implementation of civil servants' salary adjustments under the Public Service Remuneration System (SSPA).

According to the minister Datuk Armizan Mohd Ali, the operation aims to monitor and curb profiteering activities through five key approaches, which include collecting data on prices and service charges, which began on Oct 1.

He added that the collected data would be used to compare prices before and after the SSPA salary adjustments, with daily price monitoring covering 480 items as a guide for price movements.



Datuk Armizan Mohd Ali

"KPDN is also strengthening collaboration with relevant government agencies and encouraging public participation, in line with the Kita Gempur initiative launched earlier in Kota Kinabalu," he told reporters after attending the Biz-BERKAT advocacy session, here yesterday.

Armizan added that the ministry had established standard operating procedures (SOPs) for handling complaints regarding charges, prices and supply issues, including enforcement actions to be taken within 24 hours of receiving complaints.

He said KPDN had also set up multiple complaint channels, including a WhatsApp line 019-848 8000, the e-aduan portal http://eaduan.kpdn.gov.my, the call centre number 1-800-886-800, and the Ez ADU KPDN mobile application.

During the data collection period for Ops Kesan 3.0, a total of 2,803 premises nationwide were inspected, involving 13,209 items. These premises were issued notices under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 9




Adiratno (second left) joins others in promoting Malaysian-made products, in line with the KBBM, which celebrates its 40th anniversary this year. — Bernama photo

# Buy Malaysian Goods Campaign hits 40-year milestone

**PUTRAJAYA:** The 'Buy Malaysian Goods Campaign' (KBBM), led by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), celebrates its 40th anniversary this year.

KPDN Business Development Division director Adiratno Che Ani said the campaign, launched in 1984, would continue to be strengthened as a testament to the government's commitment to instilling patriotism among Malaysians, encouraging them to support and purchase locally-made products.

He added that KPDN had always welcomed the initiatives by strategic partners in running the campaign at business premises to promote and market local products.

"We must strive to elevate local brands, making them comparable to renowned international brands.

"This is not merely about purchasing products, but also about reinforcing national identity and nurturing pride in locally produced goods," he told Bernama yesterday.

Adiratno added that with sustained support, Malaysian products could not only thrive locally, but also gain recognition on the global stage.

"This initiative will also create significant opportunities for local entrepreneurs, enhance industry competitiveness, and generate more employment opportunities.

"Only through collective efforts, will Malaysian-made products be able to compete with global brands, positioning our country as a hub of excellence in innovation, quality, and competitiveness," he said.

Adiratno addeed that KPDN aimed to ensure the campaign would be widely implemented and continue to resonate with Malaysians.

"It encourages them to prioritise and support local brands and services with every purchase, in line with the campaign's tagline, #Barang Baik Barang Kita."

He also emphasised that the quality of Malaysian products was continually being improved to match international standards, allowing consumers to appreciate their uniqueness and quality, while stimulating the domestic economy and balancing global economic pressures.

Adiratno further noted that this year's KBBM had introduced various strategic initiatives, such as strengthening local products in the retail industry through partnerships between KPDN and the retail networks.

"KPDN promotes the campaign via online marketplaces to ensure that the local products would continuously be boosted and expanded via companies managing these platforms.

"We are also working to elevate the local fashion industry through themed sales initiatives involving local designers. For children, we've collaborated with digital animation media to promote the campaign among young consumers strategically."

He added that the ministry had carried out the 'KPDN Carnival' in four states this year, with Melaka being the next destination, in conjunction with Visit Melaka Year, to promote the campaign.

The KPDN South Zone Carnival at Dataran Sejarah, Ayer Keroh, Melaka, running from Dec 6 to 8, would serve as a platform for local entrepreneurs nationwide to showcase their products, he added.

"The KBBM has received encouraging support from strategic partners and industry players, including hypermarkets, supermarkets, and convenience stores, contributing to its success this year.

"This year, the ministry has collaborated with 18 strategic partners to implement the local product empowerment initiative under the local retail industry, which forms a key part of this campaign," he said.

Adiratno added that this initiative would include various strategies to raise awareness of Malaysian products in the local market and improve their accessibility in selected supermarket chains, such as featuring special display racks to highlight their exclusivity.

"Malaysians will also enjoy vouchers or discounts for every purchase of local products.

"Moreover, the KPDN is collaborating with major supermarket chains with overseas branches to promote Malaysian products abroad through the 'Local to Global Retail' initiative.

"This year, the initiative was successfully implemented in Dubai, Japan and Thailand.

"We can see that it has helped expand the potential of local goods in international markets, boost the national economy, and introduce Malaysian products to a global audience," he said. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 7

# KPDN laksana Ops Kesan 3.0 bermula semalam sejajar pelaksanaan SSPA

**SANDAKAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan Ops Kesan 3.0 bermula semalam, sejajar dengan pelaksanaan pelarasan gaji penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata operasi itu bertujuan untuk memantau dan mengekang aktiviti pencatutan dengan menggunakan lima pendekatan iaitu melaksanakan proses pengumpulan data dan harga serta caj perkhidmatan yang bermula sejak 1 Okt.

Beliau berkata data itu akan dijadikan sebagai perbandingan harga sebelum dan selepas pelaksanaan SSPA, mengguna pakai data-data kutipan harga yang dilaksanakan setiap hari oleh pegawai pemantau harga meliputi 480 item sebagai panduan pergerakan harga barang.

"Selain itu, memperkukuh kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan dan menggalakkan partisipasi awam sejajar dengan pelaksanaan Kita Gempur yang telah dilancarkan di Kota Kinabalu sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas sesi advokasi Berniaga Patuh Kod Etika dan Perundangan (Biz-BERKAT) di sini semalam.

Armizan berkata KPDN juga menetapkan prosedur operasi standard (SOP) pengurusan aduan berkaitan dengan caj, harga dan bekalan termasuk tindakan susulan penguatkuasaan perlu dijalankan dalam tempoh 24 jam daripada masa aduan diterima.

Beliau berkata KPDN juga menyediakan saluran aduan untuk membolehkan orang ramai mengemukakan sebarang maklumat melalui saluran Whatsapp 0198488000, portal e-aduan di http://eaduan.kpdn.gov.my, pusat panggilan 1-800-886-800 dan di aplikasi Ez ADU KPDN.

Armizan berkata sepanjang tempoh pengumpulan data Ops Kesan 3.0 itu, sebanyak 2,803 premis telah diperiksa di seluruh negara melibatkan 13,209 item dan premis berkenaan diberikan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Ops itu dilakukan bagi mengesan pihak yang membuat peningkatan harga dengan tujuan mengaut keuntungan secara berlebihan, sekali gus mengekang aktiviti pencatutan apabila bermulanya kenaikan gaji penjawat awam," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 7

# Pelaksanaan KBBM capai ulang tahun ke-40 tahun ini

**PUTRAJAYA:** Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang diterajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), mencapai ulang tahun ke-40 pelaksanaannya tahun ini.

Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Adiratno Che Ani berkata KBBM bermula sejak 1984 lagi dan program itu akan terus diperkasakan, sebagai manifestasi usaha kerajaan dalam menyemai semangat patriotisme dalam kalangan rakyat agar terus menyokong dan membeli produk keluaran tempatan.

Beliau berkata KPDN sentiasa menyambut baik usaha rakan strategik untuk melaksanakan KBBM di peringkat premis, bagi mempromosikan serta memasarkan produk tempatan kepada orang ramai.

"Kita harus berusaha untuk mengangkat jenama tempatan, menjadikannya setanding dengan jenama antarabangsa yang terkenal. Ini bukan hanya tentang membeli produk, tetapi lebih kepada memperkukuh identiti negara dan meningkatkan rasa bangga terhadap produk keluaran tempatan," katanya kepada Bernama di sini semalam.

Adiratno berkata dengan sokongan berterusan, produk Malaysia akan dapat menembusi pasaran antarabangsa, bukan sekadar dikenali di peringkat tempatan malah diiktiraf di seluruh dunia.

"Ini juga akan membuka peluang besar untuk usahawan tempatan, meningkatkan daya saing industri, dan mencipta peluang pekerjaan yang lebih banyak.

"Hanya dengan usaha kolektif ini, produk buatan Malaysia akan mampu bersaing dengan jenama global, sekali gus menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan dalam inovasi, kualiti dan daya saing," katanya.

Adiratno berkata hasrat KPDN menerusi KBBM ialah pelaksanaan dapat dilakukan secara meluas dan sentiasa mendapat tempat di hati rakyat Malaysia, untuk sentiasa menyokong dan mengutamakan produk jenama tempatan dan perkhidmatan dalam setiap pembelian selaras dengan tagline kempen #Barang Baik Barang Kita.

Beliau berkata kualiti produk Malaysia pada masa kini sentiasa diperbaharui agar setanding dengan produk di luar negara, supaya pengguna didedahkan dengan keunikan dan kualiti barangan tempatan selain menggalakan aliran ekonomi domestik negara dalam mengimbangi cabaran dan tekanan globalisasi ekonomi semasa.

Adiratno berkata inisiatif KBBM tahun ini mengetengahkan pelbagai inisiatif strategik antaranya pemerkasaan produk tempatan dalam industri peruncitan tempatan, iaitu melibatkan kerjasama antara KPDN bersama rangkaian syarikat peruncitan.

Selain itu, beliau berkata KPDN juga mempromosikan KBBM menerusi platform dalam talian bagi memastikan produk tempatan terus diperkasakan dan diperluas melalui syarikat yang mengendalikan platform itu.

"Kita juga berusaha untuk memartabatkan industri fesyen tempatan menerusi inisiatif jualan bertema bersama para pereka tempatan dan tidak lupa untuk kanak-kanak, kita turut melibatkan kempen ini bersama kolaborasi strategik media animasi digital, untuk mempromosikan kempen ini dalam kalangan pengguna cilik," katanya.

Selain itu, katanya KPDN telah menganjurkan Karnival KPDN pada tahun ini di empat negeri dan akan datang di Melaka pada 6-8 Dis ini bersempena dengan Tahun Melawat Negeri, yang turut mempromosikan KBBM dengan menampilkan penyertaan para usahawan tempatan di seluruh negara.

Justeru itu, Karnival KPDN Zon Selatan di Dataran Sejarah Ayer Keroh, Melaka nanti pasti menjadi platform kepada usahawan tempatan daripada seluruh Malaysia memperkenalkan produk mereka.

Adiratno berkata KBBM mendapat sambutan memberangsangkan daripada rakan strategik dan pemain industri yang terdiri daripada pasar raya besar, pasar raya dan kedai serbaneka bagi menjayakan kempen tersebut tahun ini.

"Pada tahun ini, kementerian bekerjasama bersama 18 rakan strategik yang terlibat dalam melaksanakan Inisiatif Pemerkasaan Produk Tempatan Di Bawah Industri Peruncitan Tempatan, yang menjadi antara inisiatif kempen ini," katanya.

Beliau berkata melalui inisiatif itu, pelbagai strategi dan kaedah pelaksanaan telah dirancang bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai ketersediaan produk barangan Malaysia di pasaran tempatan dan memudahkan kebolehcapaian mereka untuk mendapatkan barangan tempatan di rangkaian pasar raya terpilih.

Selain itu, rakyat Malaysia juga berpeluang untuk menikmati baucer atau diskaun bagi setiap pembelian produk tempatan dan KBBM 2024, menampilkan rak pengenalan khas bagi menunjukkan keterangkuman produk Malaysia di pasar raya.

Beliau berkata KPDN juga bekerjasama dengan rangkaian pasar raya besar yang mempunyai cawangan di luar negara untuk turut sama mempromosikan produk Malaysia di luar negara menerusi inisiatif Local to Global Retail.

"Alhamdulillah, pada tahun ini kita telah pun berjaya melaksanakan inisiatif ini di Dubai, Jepun dan Thailand. Kita dapat lihat inisiatif ini juga turut membantu memperluas potensi produk tempatan di pasaran antarabangsa dan meningkatkan ekonomi negara, di samping dapat memperkenalkan produk Malaysia kepada masyarakat luar," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Sarawak

HARI: ISNIN

TARIKH: 2/12/2024

M/SURAT: 5

# Ops Kesan 3.0 mula dilaksanakan

**SANDAKAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan Ops Kesan 3.0 bermula semalam, sejajar dengan pelaksanaan pelarasan gaji penjawat awam melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, operasi itu bertujuan untuk memantau dan mengekang aktiviti pencatutan dengan menggunakan lima pendekatan iaitu melaksanakan proses pengumpulan data dan harga serta caj perkhidmatan yang bermula sejak 1 Oktober.

Beliau berkata, data itu akan dijadikan sebagai perbandingan harga sebelum dan selepas pelaksanaan SSPA, mengguna pakai data-data kutipan harga yang dilaksanakan setiap hari oleh pegawai pemantau harga meliputi 480 item sebagai panduan pergerakan harga barang.

"Selain itu, memperkukuh kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan dan menggalakkan partisipasi awam sejajar dengan pelaksanaan Kita Gempur yang telah dilancarkan di Kota Kinabalu sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas sesi advokasi Berniaga Patuh Kod Etika dan Perundangan (Biz-BERKAT) di sini, semalam.

Armizan berkata, KPDN juga menetapkan prosedur operasi standard (SOP) pengurusan aduan berkaitan dengan caj, harga dan bekalan termasuk tindakan susulan penguatkuasaan perlu dijalankan dalam tempoh 24 jam daripada masa aduan diterima.

Beliau berkata, KPDN juga menyediakan saluran aduan untuk membolehkan orang ramai mengemukakan sebarang maklumat melalui saluran WhatsApp 0198488000, portal e-aduan di http://eaduan.kpdn.gov.my, pusat panggilan 1-800-886-800 dan di aplikasi Ez ADU KPDN.

Armizan berkata, sepanjang tempoh pengumpulan data Ops Kesan 3.0 itu, sebanyak 2,803 premis telah diperiksa di seluruh negara melibatkan 13,209 item dan premis berkenaan diberikan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Ops itu dilakukan bagi mengesan pihak yang membuat peningkatan harga dengan tujuan mengaut keuntungan secara berlebihan, sekali gus mengekang aktiviti pencatutan apabila bermulanya kenaikan gaji penjawat awam," katanya. – Bernama



**PERIKSA...** Datuk Armizan Mohd Ali memeriksa alat timbang dan sukat sebuah kedai pada Sesi Advokasi Berniaga Patuh Kod Etika dan Perundangan (Biz-BERKAT) di sekitar Pusat Bandar Batu 8 dan melancarkan OPS KESAN 3.0, semalam. • Foto BERNAMA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 3

## 内贸部启动侦查行动 3.0

# 5 措施遏制暴利行为

(山打根 1 日讯) 国内贸易及生活成本部宣布，从今天开始启动侦查行动 3.0 (Ops Kesan 3.0) ，以配合公务员薪酬调整，防止部合理的涨价行为。

该部部长拿督阿米占表示，此次行动旨在监测并遏制暴利行为，采用 5 项措施，包括 10 月 1 日起开展数据和价格及服务收费的收集工作。

他补充说，这些数据将用于对比公务员加薪前后的价格变化，并依据每天由价格监控官员收集的 480 种商品的价格数据，作为价格波动的参考标准。

阿米占出席企业遵守道德和法律准则倡导会议后说："此外，配合之前在亚庇推出的 Kita Gempur 的实施，加强与相关政府机构的合作，鼓励公众参与。"

阿米占表示，内贸部还制定了关于价格、收费、和供应投诉的标准作业程序，确保所有投诉在接到后的 24 小时内采取执法跟进行动。

### 检查全国 2803 商家

他透露，截至目前，侦查行动 3.0 行动已检查全国 2803 个商家，涉及 1 万 3209 种商品，并根据 2011 年价格管制和反暴利法第 21 条文向相关商家发出通知。

"此次行动主要针对那些趁公务员加薪机会抬高价格谋取暴利的行为，目的是保护消费者权益，同时防止涨价风潮蔓延。"

内贸部已开通多种投诉渠道，方便公众提供信息，包括：

WhatsApp：019-848 8000
电子投诉门户：http://eaduan.kpdn.gov.my
呼叫中心：1-800-886-800
Ez ADU KPDN 应用程式



阿米占（中）和一名商贩交流。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 6





阿占米在山打根8哩市镇检查其中一间店的电子秤。（马新社图）



## 防公僕調薪現漲價潮

# 内貿部嚴查價格操縱

（山打根1日讯）国内贸易及生活费部今日正式启动侦查行动（Ops Kesan）3.0，以应对公务员薪资调整政策实施后可能出现的价格操纵现象。

### 5策略启动侦查行动3.0

内贸部长拿督阿米占表示，此次行动将采用5大策略，包括从10月1日起进行价格和服务费用数据的收集工作。

"这些数据将作为薪资调整前后的价格对比依据，覆盖480种商品的每日价格变化。"

他今日在山打根8哩市镇参与内贸部遵守商业道德准则和法律的宣传活动（Biz-BERKAT）后，向记者这么表示。

### 接投诉24小时内采行动

阿米占补充，侦查行动3.0将强化与其他政府机构的合作，并鼓励民众积极参与，继续推进此前在亚庇推展的"反操纵与泄密"（Kita Gempur）行动。

### 检查2803商场逾1.3万商品

他说，内贸部已制定标准作业程序，要求在接到与价格、费用或供应相关的投诉后，必须在24小时内采取执法行动。

阿米占指出，在侦查行动3.0数据收集期间，内贸部至今检查了全国2803个商业场所，涉及1万3209项商品，并在2011年价格管制与反暴利法第21条文下向有关商家发出通知书。

"此行动目的是防止在公务员加薪后，部分商家恶意涨价牟取暴利，从而有效遏制价格操纵行为。

"政府呼吁民众积极举报可疑行为，共同维护市场秩序，保障公平的消费环境。"

内贸部提供多个投诉渠道，包括WhatsApp（019-8488000）、电子投诉（http://eaduan.kpdn.gov.my)）、热线电话（1-800-886-800）以及Ez ADU KPDN应用程式。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 6

## 柔大臣：外國車偷添RON95

# 內貿部須嚴厲對付

（依斯干达公主城1日讯）外国车辆偷偷添RON95津贴汽油，引起柔佛州人民不满，也引起柔佛州务大臣拿督翁哈菲兹关注，他呼吁国内贸易及生活费部采取严厉的对付行动，还中低收入人民一个公道。

翁哈菲兹今日在第15届柔佛州立法议会第3期第3次会议上总结2025财政预算案时，针对他在社交媒体上接获的投诉，作出以上呼吁。

常有民众将外国车辆违反条例添加RON95津贴汽油的视频和照片上载至社交媒体，最近更出现将外国车牌换成本地车牌添油的离谱情况，引起各界哗然。

翁哈菲兹坦言，他常常接获类似投诉，而有关包装食用油的走私问题也是热门投诉。

"因此，我必须为人民发声，促请有关当局积极行动，勿让B40群体的权益被剥削。"

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 阿米占推全國偵查行動
# 防止商家調漲物價

**山打根1日讯丨为预防《公共服务薪酬制（SSPA）》（公务员调薪）本月1日（今日）起实行後，可能会有奸商找借口调涨物价或服务费，国内贸易及生活成本（内贸/KPDN）部即日（12月1日）起展开了「第3期侦查行动（Ops Kesan 3.0）」。**

联邦内贸部长拿督阿米占，今早在其部门全国执法总监拿督阿兹曼阿当、沙巴州总监沙里尔尼占（Shahril Nizam B Shahidin）、山打根省分局主任阿兹迪约翰等其他高级助理们陪同下，在山打根8哩新市镇主持全国同步开展的「侦查3.0」推介礼后，向与会的各界媒体如是指出。

他还说，为让第3期行动取得效果，其部门（KPDN）正在进行和即将采取的五大措施如下：

1）搜集实施自2024年10月1日开始的物价与服务费数据：该数据将用作SSPA实施前后物价与服务费对比的基础。

2）使用内贸局价格监控官（PPH）每天收集涵盖多达480个商品的价格收集数据，作为监控任何价格变动的指南。

3）配合「我们取缔（Kita GEMPUR）的执行，即：取缔操纵与纰漏的舞弊，加强与相关政府机构的合作关系，并鼓励公众参与。

4）设立收费、价格和供应相关投诉管理的标准作业程序（SOP），包括在收到投诉后24小时内务必执行对应的行动。

5）提供投诉渠道，让公众可以向该部门提供相关信息和作出投诉，其中渠道如下：a）及时通（WhatsApp）：019-848 8000，b）投诉网页：http://eaduan.kpdn.gov.my，c）服务中心：1-800-886-800，d）智能手机应用程序（APP）：Ez ADU KPDN。



他揭露，在侦查3.0正式执行前的上个月份（10月），其部门全国各地分局的侦查队，共走访了2,803单位商家和收集了13,209种类物价和服务费，并引用《2011年价格控制及反暴利法令（AKHAP）》第21条文，向这些商家作书面的请求，以便搜集他们向消费者提供物价与服务费的数据。这些数据在PPSA制实行后，将作为监控物价与服务费的参考。

他说，在「第3期侦查行动」下触犯AKHAP法令的商家，一旦被提控上庭治罪，在个人方面，将面对罚款最高10万令吉或监禁最久3年，抑或两者兼施；对于犯法的公司方面，则将面对罚款不超过50万令吉。

## 侦查2.0取缔46宗案件

就月前针对柴油补贴而执行的「第二期侦查行动」中，他披露，其部门在全国共取缔了46宗案件，并已采取AKHAP法令对付违法者。

他坦承，暴利勾当或多或少都会发生，但通过「侦查行动」，至少能让商家们知道，他们一举一动都受到监控；从而不冒然以身试法地像以SSPA为借口，不合理地调涨他们的物价或服务费。

他补充说，其实商家们应该以正面的角度乐见SSPA制度的实行，因为它将提高公职人员的消费或购买力，而受益的都是商家本身；况且SSPA的实行，与商家的成本增减并无关连。

他坦言，由于全国每日只有逾2千名内贸官轮班执法；换句话说，执法人手的力度有限或难免存在纰漏，因此政府相关部门的合作、民众的醒觉和商家的配合尤为重要。

除了为「侦查3.0」主持推介，拿督阿米占配合「我们取缔操纵与纰漏行动（Kita GEMPUR @ Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan）」，今早也走访当地（八哩新市镇）的商店和巴刹摊档，并继续向商家和小贩宣导「商业倡议计划（Biz-BERKAT）」和向彼等单位粘上该计划贴纸。

据称，此举旨在提高他们在商业道德和法律准则方面的意识，包括：不捏造商品虚假信息的《2011年商品说明法令》，不违法囤货牟利的《1961年供应控制法令》和清真认证的条规等。

拿督阿米占部长（坐排右2）在州总监沙里尔和全国总监拿督阿兹曼（坐排左起）等达官要员的陪同下，为在推介全国侦查3.0後主持新闻发布会。

中國報 CHINA PRESS

HARI: ISNIN

TARIKH: 2/12/2024

M/SURAT: 5

## 偵查3.0行動監督

# 别趁公僕調薪漲物價



■阿米占（右3）与出席活动的民众交流。

（山打根1日讯）配合政府今日正式推行公共服务薪酬制（SSPA），国内贸易及生活成本部将展开“侦查行动3.0”（Ops Kesan 3.0）监督物价，遏止商家因公务员薪资提高而抬高物价。

内贸部长拿督阿米占莫哈末阿里说，配合今日开始的“侦查行动3.0”，该部已事先从10月起收集各地物价和服务费。

他说，10月至目前所收集到的物价，将和SSPA制度实施后的物价对比，以找出是否有商家趁机抬高物价。

“内贸部也鼓励民众，与执法机构一同参与‘反操纵和泄密群众运动’（Kita Gempur）执法行动。”

阿米占今日在商业道德准则和法律觉醒运动开幕礼后，这么说。

### 懲罰違規商家

他说，内贸部也制定标准作业程序，规定该部执法组必须在接到任何有关服务费、物价和物品供应投报后的24小时内展开执法行动。

他补充，内贸部也提供多个管道供民众投报，包括WhatsApp（019-8488000）、投报官网（http://eaduan.kpdn.gov.my）、投报热线1-800-886-800，以及手机应用程式“Ez ADU KPDN”。

“在收集资料期间，内贸部到访全国各地2803个商业单位，检查1万3209种物品，并援引2011年价格统制及反暴利法令第21条文，向违规商家开罚单。”

首相拿督斯里安华于今年8月16日公布公共服务薪酬制，执行组及管理和专业组公务员调薪15%，高阶管理层组的公务员则调薪7%。

调薪将分2阶段落实，分别是今年12月1日和2026年1月1日。

根据公共服务薪酬制规定，公务员最低起薪为2115令吉。

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2024
M/SURAT: 4

## 外國車輛偷添RON95

# 柔大臣促內貿部取締

（依斯干达公主城1日讯）柔州大臣拿督翁哈菲兹声称，外国车辆偷添打RON95津贴汽油一事已引起柔佛州人民不满，他呼吁国内贸易与生活成本部采取严厉行动对付，还中低收入人民一个公道。

大臣是在州议会总结2025财政预算案时，针对他在社交媒体上接获的投诉，如是表示。

他不讳言，常常接获类似投诉，同时，有关包装食用油的走私问题，也是热门投诉，因此，他必须为人民发声，促有关当局积极行动，勿让B40群体的权益被剥削。

此前，民众常将外国车辆违反条例添加RON95津贴汽油的视频和贴文上载至社交媒体，最近一次引起关注的是，将外国车注册车牌换成本地车牌的事件。（TKM）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 2 DISEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 2-Dec | Negeri terjejas banjir dijamin tidak putus bekalan asas – Fuziah | https://malaysiagazette.com/2024/11/29/negeri-terjejas-banjir-dijamin-tidak-putus-bekalan-asas-fuziah/#google_vignette | MALAYSIA GAZETTE |
| 2-Dec | KPDN JAMIN BEKALAN KEPERLUAN ASAS DI NEGERI TERJEJAS BANJIR MENCUKUPI | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2369147 | BERNAMA |
| 2-Dec | KPDN akan mohon bantuan negeri lain sekiranya pemborong, peruncit 'lumpuh' di Kelantan | https://www.sinarharian.com.my/article/699336/edisi/kelantan/kpdn-akan-mohon-bantuan-negeri-lain-sekiranya-pemborong-peruncit-lumpuh-di-kelantan | SINAR HARIAN |
| 2-Dec | KPDN akan mohon bantuan negeri lain sekiranya pemborong dan peruncit 'lumpuh' di Kelantan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-akan-mohon-bantuan-negeri-lain-sekiranya-pemborong-dan-peruncit-lumpuh-di-kelantan-498467 | ASTRO AWANI |
| 2-Dec | KPDN mohon bantuan negeri lain jika pemborong, peruncit Kelantan 'lumpuh' | https://www.malaysiakini.com/news/727406 | MALAYSIA KINI |
| 2-Dec | KPDN AKAN MOHON BANTUAN NEGERI LAIN SEKIRANYA PEMBORONG DAN PERUNCIT 'LUMPUH' DI KELANTAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2369047 | BERNAMA |
| 2-Dec | KPDN to seek help from other states if Kelantan wholesalers and retailers are paralysed | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-to-seek-help-from-other-states-if-kelantan-wholesalers-and-retailers-are-paralysed-AE13354361 | THE SUN |
| 2-Dec | Kempen 'Kita Gempur' usaha strategik cegah ketirisan barang kawalan dan subsidi | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1330314/kempen-kita-gempur-usaha-strategik-cegah-ketirisan-barang-kawalan#google_vignette | BERITA HARIAN |
| 2-Dec | Lotus's Malaysia perkenal 15 jenama PKS | https://www.sinarharian.com.my/article/699380/bisnes/lotuss-malaysia-perkenal-15-jenama-pks#google_vignette | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2-Dec | 11 penumpang bas ditinggal pemandu semasa Ops Bersepadu | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/11-penumpang-bas-ditinggal-pemandu-semasa-ops-bersepadu-498477 | ASTRO AWANI |
| 2-Dec | Pemandu bas ekspres larikan diri tinggal 11 penumpang | https://www.sinarharian.com.my/article/699350/berita/semasa/pemandu-bas-ekspres-larikan-diri-tinggal-11-penumpang | SINAR HARIAN |
| 2-Dec | Express bus abandoned by driver during integrated operation in Gopeng | https://thesun.my/malaysia-news/express-bus-abandoned-by-driver-during-integrated-operation-in-gopeng-GE13354389 | THE SUN |
| 2-Dec | 11 penumpang bas ditinggal pemandu semasa Ops Bersepadu | https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/29/11-penumpang-bas-ditinggal-pemandu-semasa-ops-bersepadu | UTUSAN BORNEO |
| 2-Dec | Driver abandons express bus, passengers during integrated operation in Gopeng | https://www.theborneopost.com/2024/11/29/driver-abandons-express-bus-passengers-during-integrated-operation-in-gopeng/ | THE BORNEO POST |
| 2-Dec | 11 PENUMPANG BAS DITINGGAL PEMANDU SEMASA OPS BERSEPADU | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2369058 | BERNAMA |
| 2-Dec | Limbang consumers, traders struggle amid cooking oil packets shortage | https://www.theborneopost.com/2024/11/29/limbang-consumers-traders-struggle-amid-cooking-oil-packets-shortage/ | THE BORNEO POST |
| 2-Dec | KPDN laksana Ops Kesan 3.0 bermula hari ini sejajar pelaksanaan SSPA | https://www.sinarharian.com.my/article/699825/berita/nasional/kpdn-laksana-ops-kesan-30-bermula-hari-ini-sejajar-pelaksanaan-sspa | SINAR HARIAN |
| 2-Dec | KPDN implemented Ops Kesan 3.0 starting today in line with the implementation of SSPA | https://wilayah.com.my/kpdn-implemented-ops-kesan-3-0-starting-today-in-line-with-the-implementation-of-sspa/ | WILAYAH |
| 2-Dec | KPDN launches Ops Kesan 3.0 in line with SSPA salary adjustments | https://www.theborneopost.com/2024/12/01/kpdn-launches-ops-kesan-3-0-in-line-with-sspa-salary-adjustments/ | THE BORNEO POST |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2-Dec | KPDN laksana Ops Kesan 3.0 sejajar pelaksanaan SSPA | https://www.sabahgazette.com/kpdn-laksana-ops-kesan-3-0-sejajar-pelaksanaan-sspa/ | SABAH GAZETTE |
| 2-Dec | Ops Kesan 3.0 bermula selaras pelaksanaan SSPA cegah pencatutan | https://www.kosmo.com.my/2024/12/01/ops-kesan-3-0-bermula-selaras-pelaksanaan-sspa-cegah-pencatutan/ | KOSMO |
| 2-Dec | KPDN pantau aktiviti pencatutan, laksana Ops Kesan 3.0 | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/kpdn-pantau-aktiviti-pencatutan-laksana-ops-kesan-3-0/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 2-Dec | KPDN laksana Ops Kesan 3.0 bermula hari ini sejajar pelaksanaan SSPA | https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/01/kpdn-laksana-ops-kesan-30-bermula-hari-ini-sejajar-pelaksanaan-sspa | UTUSAN BORNEO |
| 2-Dec | KPDN laksana Ops Kesan 3.0 bermula hari ini sejajar pelaksanaan SSPA | https://sabahmedia.com/2024/12/01/kpdn-laksana-ops-kesan-3-0-bermula-hari-ini-sejajar-pelaksanaan-sspa/ | SABAH MEDIA |
| 2-Dec | KPDN laksana Ops Kesan 3.0 bermula hari ini sejajar pelaksanaan SSPA | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-laksana-ops-kesan-30-bermula-hari-ini-sejajar-pelaksanaan-sspa-498763 | ASTRO AWANI |
| 2-Dec | KPDN LAKSANA OPS KESAN 3.0 BERMULA HARI INI SEJAJAR PELAKSANAAN SSPA | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2369711 | BERNAMA |
| 2-Dec | KPDN laksana Ops Kesan 3.0 bermula hari ini, sejajar pelaksanaan SSPA | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-laksana-ops-kesan-3-0-bermula-hari-ini-sejajar-pelaksanaan-sspa/ | BULETIN TV3 |
| 2-Dec | Ops Kesan 3.0 : Pantau, kekang aktiviti pencatutan selaras kenaikan gaji penjawat awam | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ops-kesan-3-0-pantau-kekang-aktiviti-pencatutan-selaras-kenaikan-gaji-penjawat-awam | BERITA RTM |
| 2-Dec | Domestic Trade Ministry launches Ops Kesan 3.0 following salary adjustments | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/01/domestic-trade-ministry-launches-ops-kesan-30-following-salary-adjustments | THE STAR |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2-Dec | KPDN launches OPS Kesan 3.0 in line with SSPA salary adjustments | https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-launches-ops-kesan-30-in-line-with-sspa-salary-adjustments-LH13365583 | THE SUN |
| 2-Dec | KPDN launches Ops Kesan 3.0 in line with SSPA salary adjustments | https://www.dailyexpress.com.my/news/247251/kpdn-launches-ops-kesan-3-0-in-line-with-sspa-salary-adjustments/ | DAILY EXPRES |
| 2-Dec | Jangan ambil kesempatan sorok, naikkan harga barangan di musim banjir – KPDN | https://www.buletintv3.my/nasional/jangan-ambil-kesempatan-sorok-naikkan-harga-barangan-di-musim-banjir-kpdn/ | BULETIN TV3 |
| 2-Dec | Jangan ambil kesempatan sorok atau naikkan harga barangan di musim banjir - KPDN | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/12/1161293/jangan-ambil-kesempatan-sorok-atau-naikkan-harga-barangan-di-musim-banjir | HARIAN METRO |
| 2-Dec | Jualan MADANI 2TM catat nilai jualan lebih RM670,000 | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jualan-madani-2tm-catat-nilai-jualan-lebih-rm670000-498824 | ASTRO AWANI |
| 2-Dec | JUALAN MADANI 2TM CATAT NILAI JUALAN LEBIH RM670,000 | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2369857 | BERNAMA |
| 2-Dec | Johor MB calls for strict action against foreign cars using RON95 | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/01/johor-mb-calls-for-strict-action-against-foreign-cars-using-ron95 | THE STAR |
| 2-Dec | Ambil tindakan kenderaan asing isi RON95 di Johor – MB | https://malaysiagazette.com/2024/12/01/ambil-tindakan-kenderaan-asing-isi-ron95-di-johor-mb/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 2-Dec | Isu RON95, minyak paket: Johor mahu KPDN bertindak tegas | https://www.sinarharian.com.my/article/699745/edisi/johor/isu-ron95-minyak-paket-johor-mahu-kpdn-bertindak-tegas | SINAR HARIAN |
| 2-Dec | Beras putih import: 'Kalau naik harga, cepat betul pembekal naikkan' - Ameer Ali | https://www.sinarharian.com.my/article/699836/berita/nasional/beras-putih-import-kalau-naik-harga-cepat-betul-pembekal-naikkan---ameer-ali | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT